

19 SEPTEMBER 2017

## Ibu tiga anak dicekup edar dadah

SINAR HARIAN • SELASA 19 SEPTEMBER 2017

MAJLIS KONTINJEN DARI PERAK

47

# Ibu tiga anak dicekup edar dadah

Suspek didapati aktif lakukan perbuatan tersebut sejak tujuh bulan lalu di sekitar Kampar

NOORAINON MOHAMED YUSOF

IPOH – Seorang wanita berusia 38 tahun yang juga ibu kepada dua orang anak ditahan atas kesalahan mengedarkan dadah di kawasan Kampar sejak tujuh bulan lalu.

Wanita berkenaan merupakan orang sekatan yang baru sahaja dilepaskan dari Pusat Pemulihara Akhlak Batu Gajah dan pernah ditahan di Selangor pada Julai tahun lalu di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Penjagaan Khas 1985).

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Negeri (JSJN), Asisten Komisioner R Ravi Chandran berkata,

INFO  
● Polis turut rampas dadah lebih RM210,000

sepasukan anggota dan pegawai JSJN berjaya menahan wanita berkenaan di sebuah rumah kedai yang disewanya kira-kira jam 12.10 pagi. Khamis lalu.

Hasil pemeriksaan menemui syabu seberat 3.066 kilogram yang dibungkus kecil untuk pengedaran dan menyimpannya dalam paket minuman bagi mengaburi pihak berkuasa.

Turut ditemui cecair etanol dianggarkan seberat tiga liter. Keseluruhan rampasan



Ravi Chandran (dua, kanan) menunjukkan dadah yang dibungkus dalam paket minuman, semalam.

bernilai RM214,770 malah, ujian saringan mendapati suspek positif dadah jenis

methamphetamine.

“Suspek turut mempunyai empat rekod ke-

salahan lampau yang mana kesemuanya bersangkutan kes dadah,” katanya dalam

sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri, di sini, semalam.

Menurutnya, suspek diraman sehingga esok untuk siasatan lanjut bagi mengesas rangkaian bekalan dadah yang diperolehnya itu.

“Suspek masih tegar melakukannya walaupun telah ditangkap dan dihukum sebelum ini. Kita akan siasat sindiket yang berjaya menyusup masuk ke negeri ini.

“Wanita yang mempunyai anak berusia 12, 13 dan 16 tahun itu akan disiasati mengikut Seksyen 39B Akta Dadah berbahaya 1952 yang membawa hukuman mandatori gantung sampai mati,” katanya.